

21/09/2002

Kekuatan aktiviti domestik bantu tingkat pertumbuhan ekonomi

MALAYSIA sudah menyusun strategi tepat bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang dijana aktiviti domestik tetapi sasaran itu hanya boleh dicapai jika industri tempatan lebih berdisiplin dalam meningkatkan pengeluaran dan pelaburan.

Ahli ekonomi berpendapat, langkah kerajaan menggunakan kekuatan domestik bagi menjana pertumbuhan ekonomi akan membantu mengelakkan negara terjejas berikutan masalah ekonomi global terutama daripada rakan dagang utama.

Felo Penyelidik Kanan & Ketua Kajian Dasar Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Azmi Setapa, berkata defisit Bajet 2003 yang lebih kecil menyatakan dengan jelas keupayaan kerajaan meningkatkan disiplin industri domestik untuk terus berkembang sekali gus meningkatkan pelaburan dalam negara.

Katanya, ramai ahli ekonomi mengunjurkan defisit bajet tahun depan antara 4.5 peratus hingga 5 peratus.

Bagaimanapun, dengan keupayaan kerajaan mengurangkan defisit kepada hanya 3.9 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), ia jelas menunjukkan komitmen kerajaan menyaksikan peranan penting sektor swasta dalam negara.

"Justeru, sehingga kini, selain sektor pembuatan, perkhidmatan termasuk pelancongan dan pendidikan sudah memberikan hasil ketara kepada negara," katanya.

Katanya, dalam arah aliran defisit bajet yang semakin susut sekarang, Malaysia dijangka mampu untuk mula membentangkan bajet berimbang mulai 2005.

Dalam pembentangan Bajet 2003, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata strategi bajet tahun depan digubal untuk memberi penekanan kepada aktiviti perniagaan dan perusahaan dalam negeri bagi menjana pertumbuhan lebih tinggi.

Strategi itu antara lain menekankan usaha meningkatkan kuasa beli 24 juta rakyat Malaysia, serta berkehendakkan rakyat meningkatkan produktiviti.

Empat strategi yang dirangka adalah meningkatkan pelaburan tempatan dalam semua sektor yang berpotensi menjana pertumbuhan, mengenal pasti dan meneroka bidang baru dalam sektor perkhidmatan, pertanian dan pembuatan; memantapkan kewangan sektor awam serta mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan awam dan memupuk masyarakat progresif, berakhlak dan berharmoni serta menjamin kesejahteraan rakyat terutama di luar bandar.

Perdana Menteri berkata, industri domestik perlu meningkatkan nilai tokok keluaran bagi meningkatkan KDNK dan seterusnya pendapatan per kapita.

Mengulas mengenai Bajet 2003, Azmi berkata, walaupun ia tidak begitu mengembang, hasilnya bersifat mengembang. Ini kerana perbelanjaan kerajaan tidak naik tetapi pendapatan kerajaan meningkat.

"Walaupun memang sukar membuat bajet dengan tiada kenaikan cukai tambahan, kerajaan berani berbuat demikian kerana sedar mengenai kecekapan jentera kerajaan untuk mengutip cukai," katanya.

Mengenai unjuran KDNK sebanyak empat peratus tahun ini daripada tiga peratus yang dibuat sebelum ini, Azmi berkata, unjuran itu mudah untuk dicapai kerana asas KDNK pada suku ketiga dan keempat pada 2001 rendah.

"Unjuran itu amat munasabah sekali untuk dicapai," katanya sambil menambah MIER sudah membuat unjuran KDNK antara 4.5 peratus dan lima

peratus tahun ini.

Katanya, walaupun cukai korporat dikekalkan pada 28 peratus, ia masih rendah berbanding negara serantau. Dengan itu, Malaysia masih berdaya saing untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI).